



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

BIL. 70 / 2019

## **TIADA RAYUAN OLEH SPR ATAS KEPUTUSAN PETISYEN PILIHAN RAYA P.176 KIMANIS**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima penghakiman bertulis daripada Mahkamah Pilihan Raya di Kota Kinabalu Sabah pada 23 hari bulan Ogos 2019 yang telah mengisytiharkan bahawa keputusan Pilihan Raya bagi kerusi Parlimen P.176 Kimanis pada Pilihan Raya Umum Ke-14 lalu sebagai batal dan tidak sah.
2. SPR mengambil maklum dan akur kepada keputusan tersebut. Oleh itu SPR tidak akan membuat rayuan terhadapnya. Walau bagaimanapun, jika rayuan dibuat Datuk Seri Hanifah bin Aman, penyandang kerusi bagi Parlimen berkenaan dan dinamakan sebagai Responden, SPR akan menghadiri prosiding tersebut dan mengambil bahagian di dalamnya setakat yang perlu.
3. Buat masa ini, SPR perlu menunggu perakuan keputusan Mahkamah Pilihan Raya atau sehingga tempoh untuk merayu tamat, iaitu pada 29 Ogos 2019 ini, bagi tindakan selanjutnya. SPR sentiasa bersedia untuk menjalankan Pilihan Raya Kecil sekiranya ia perlu diadakan.

Sekian, terima kasih.

**AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 27 Ogos 2019 / 26 Zulhijah 1440H